

21 JUL 2000

Mahkamah-Anwar/I

MAHKAMAH PERSEKUTUAN DENGAR RAYUAN MENGENAI KETERANGAN PM PADA 1 OGOS

KUALA LUMPUR, 21 Julai 21 (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan menetapkan 1 Ogos ini bagi mendengar rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang memutuskan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu dipanggil sebagai saksi dalam perbicaraan kes liwat.

Seorang peguam Anwar, Sankaran Nair memberitahu pemberita bahawa beliau menerima faksimili daripada mahkamah memaklumkan mengenai tarikh itu.

Bekas timbalan perdana menteri itu dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja telah memfailkan rayuan bagi mengetepikan perintah Mahkamah Rayuan untuk mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi untuk tidak memanggil Dr Mahathir memberi keterangan.

Kedua-dua Anwar dan Sukma telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi pembelaan dalam kedudukan peribadinya tetapi ditolak oleh hakim perbicaraan Datuk Arifin Jaka.

Pada 5 Jun, Mahkamah Rayuan menolak rayuan mereka selepas membenarkan bantahan awal yang dibangkitkan oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan, atas alasan bahawa perintah itu adalah keputusan muktamad, ia tidak boleh dirayu.

Anwar, 52, didakwa bersama-sama dengan Sukma, 39, atas tuduhan berasingan meliwat bekas pemandu keluarga Anwar, Azizan Abu Bakar, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada satu malam, pada pukul 7.45 antara Januari dan Mac 1993.

Sukma juga berhadapan dengan satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar yang juga bekas menetri kewangan meliwat Azizan, 39, pada masa dan tempat yang sama.

Mahkamah Tinggi menetapkan 4 Ogos ini untuk membuat keputusan mengenai kes itu (liwat).

-- BERNAMA

JA LAT